



NAMA:

TARIKH:

BACA NOTA DAN JAWAB SOALAN BERIKUT.

Salah satu permainan tradisional yang popular di Malaysia ialah congkak. Mari kita bersama-sama belajar cara bermain congkak.

Peralatan:



Buah congkak (guli)



Papan congkak

Cara bermain:

1. Pemain duduk menghadap pemain lawan di depan papan congkak.
2. Penuhkan setiap lubang rumah anak dengan tujuh biji guli.



Peraturan permainan:

- Permainan dimulakan dengan kedua-dua pemain memulakan permainan serentak.
- Pemain mengambil semua buah daripada mana-mana "rumah anak" di kampung masing-masing.
- Pemain memasukkan buah congkak satu persatu ke dalam setiap "rumah anak" menuju ke "rumah ibu" masing-masing, mengikut arah pusingan jam.
- Permainan akan berjalan sehingga salah seorang pemain berhenti di lubang yang kosong dan dianggap "mati". Selepas itu, setiap pemain akan bertukar-tukar giliran bermain.



Jika pemain "mati" di kampungnya, dia boleh "menembak" (mengaut) kesemua buah congkak dari "rumah anak" pemain lawan yang terdapat di depan lubang matinya.

- Permainan tamat apabila semua buah congkak diletakkan di "rumah ibu". Pemain dengan buah congkak yang paling banyak di "rumah ibu" dikira pemenang.
- Pada pusingan seterusnya, lubang "rumah anak" yang tidak dapat diisi dengan buah congkak daripada "rumah ibu" akan ditutup.



TEACHER IRENE

SERETKAN JAWAPAN KE PETAK YANG BETUL.



Kampung

**Buah
congkak**

**Papan
congkak**

Rumah ibu

Rumah anak

Pemain



SERETKAN JAWAPAN KE PETAK YANG BETUL.

- Pemain duduk menghadap pemain lawan di [] papan congkak.
- Penuhi setiap lubang rumah anak dengan [] biji guli.
- Permainan dimulakan dengan kedua-dua pemain memulakan permainan []
- Pemain mengambil semua buah daripada mana-mana [] di kampung masing-masing.
- Pemain memasukkan buah congkak [] ke dalam setiap rumah anak menuju ke masing-masing mengikut arah []
- Permainan akan berjalan sehingga salah seorang pemain berhenti di lubang yang [] dan dianggap []. Selepas itu, setiap pemain akan bertukar-tukar giliran bermain.
- Permainan tamat apabila semua buah congkak diletakkan di rumah ibu. Pemain dengan buah congkak yang paling banyak di rumah ibu dikira []
- Pada pusingan seterusnya, lubang rumah anak yang tidak dapat diisi dengan buah congkak daripada rumah ibu akan []

pusingan jam

tutup

depan

tujuh

kosong

rumah anak

pemenang

serentak

mati

satu persatu



TEACHER IRENE